

**SEMAKAN GENUS *POMPONIA* STAL  
DAN *PURANOIDES* MOULTON  
(HOMOPTERA: CICADIDAE)**

**Azman Bin Sulaiman**

**Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed**

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN  
GPS0020-NSNH-1/2009**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**INSTITUT BIOLOGI TROPIKA DAN  
PEMULIHARAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

### SEMAKAN RIANG-RIANG DARIPADA GENUS *POMPONIA* STÅL DAN *PURANOIDES* MOULTON (HOMOPTERA: CICADIDAE)

Sejumlah 79 spesies riang-riang daripada genus *Pomponia* (71 spesies) dan *Puranoides* (8 spesies) telah direkodkan dari tiga depositori di Eropah iaitu BMNH, ZMAN dan RMNH. Ini adalah berdasarkan pemeriksaan ke atas 1162 spesimen, mewakili 52, 30, 28 dan 20 spesies, masing-masing dari BMNH, ZMAN, RMNH dan lain-lain depositori (ROM, ZSM, NHMW, MNHP, CASC, NHMW, HNHM, KBIN, MZHF dan NHMD, yang sedang dalam pinjaman dan disimpan di ZMAN). Daripada 79 spesies yang direkodkan, hanya 26 spesies yang telah diperihalkan berjaya ditemui (masing-masing 22 dan empat spesies bagi genus *Pomponia* dan *Puranoides*). Semua spesimen tip bagi 26 spesies yang telah direkodkan dalam kajian ini telah diperiksa dan dirujuk. Spesimen tip bagi 19 dan dua spesies untuk *Pomponia* dan *Puranoides* tersimpan dalam depositori BMNH manakala selebihnya iaitu tiga dan dua spesies bagi genus yang sama tersimpan dalam depositori UKM (diperiksa dan dirujuk sebelum kajian ini bermula). Genus *Pomponia* telah dikenalpasti mempunyai 10 kumpulan-spesies melalui penggabungan dan pengelompokan spesies iaitu kumpulan-*decem*, kumpulan-*picta*, kumpulan-*linearis*, kumpulan-*lactea*, kumpulan-*scitula*, kumpulan-*graecina*, kumpulan-*similis*, kumpulan-*poles*, kumpulan-sp09 dan kumpulan-sp02 (sp02 dan sp09 adalah nama sementara kerana semua ahlinya adalah spesies baru). Semua spesies *Puranoides* tergolong dalam kumpulan-*klossi*. Dua spesies baru daripada genus *Pomponia* iaitu *Pomponia* sp12 dan *Pomponia* sp42 masih belum dapat ditempatkan dalam mana-mana kumpulan-spesies. Setelah merujuk kepada spesies tip dan spesimen tip, beberapa spesies dan spesies baru perlu ditukarkan ke genus lain. *Pomponia orientalis* perlu diturunkan ke genus *Tanna* manakala *Pomponia solitaria* diturunkan kepada genus baru. *Pomponia thalia* dan *Pomponia siamensis* perlu dipindahkan ke genus *Puranoides* kerana morfologinya lebih menepati ciri-ciri kumpulan itu. *Pomponia* sp26 dan *Pomponia* sp27, perlu diperihalkan sebagai spesies baru dalam genus baru. Sejumlah besar spesimen yang telah dilonggokkan di bawah *Po. fusca* didapati terdiri daripada 20 spesies baru dalam kumpulan-*linearis*. Spesies yang sebelum ini dikenali sebagai *Pomponia promiscua* sejak lebih 15 tahun yang lalu, merupakan spesies baru. Sejumlah spesimen yang dilonggokkan di bawah *Pomponia scitula* dari pelbagai lokaliti adalah terdiri daripada enam spesies baru dalam kumpulan-*scitula*.

## ABSTRACT

*A total of 79 cicada species of the genera Pomponia (71 species) and Puranoides (eight species) have been recorded from three European depositories namely BMNH, ZMAN and RMNH. These were based on 1162 specimens examined, representing 50, 30, 28 and 20 species from BMNH, ZMAN, RMNH and other depositories (ROM, ZSM, NHMW, MNHP, CASC, NHMW, HNHM, KBIN, MZHF and NHMD, currently on loan and deposited in ZMAN), respectively. Of the 79 recorded species, only 26 described species were found (22 and four species for Pomponia and Puranoides, respectively). The other 53 species were morphologically different from any described species and need to be described as new to science (49 and four species for Pomponia and Puranoides, respectively). Type specimens for all of the described species recorded in this research have been checked and referred. These type specimens of 19 and two described species for Pomponia and Puranoides were deposited in BMNH while the other three and two described species of the same genera were deposited in UKM (checked and referred prior to this research). Species assemblages and grouping have identified 10 species-groups for Pomponia: namely decem-group, picta-group, linearis-group, lactea-group, scitula-group, graecina-group, similis-group, polei-group, sp09-group and sp02-group (sp02 and sp09 are temporary names since all members of the group are possible new species). All species of Puranoides belong to the klossi-group only. Two possible new species of Pomponia are still unable to be placed in any species-group i.e. Pomponia sp16 and Pomponia sp 42. After referring to the type species and type specimens, some described and possible new species should be moved to other genera. Pomponia orientalis should be moved to genus Tanna while Pomponia solitaria should belong to a new genus. Pomponia thalia and Pomponia siamensis should be moved to genus Puranoides since they are morphologically very similar to the group. Pomponia sp26 and Pomponia sp27, should be described as new genera and species. Large numbers of specimens lumped under Pomponia fusca belong to almost 20 new species in the linearis-group. The former, assumed as Pomponia promiscua since more than 15 years ago, is a possible new species. A group of specimens lumped under Pomponia scitula from various localities belong to six possible new species in the scitula-group.*